

Aplikasi *al-Istihalah* dalam Industri Halal Semasa Menurut Perspektif *Maqasid al-Shariah* (*The Application of al-Istihalah in Current Halal Industry From The Perspective of Maqasid al-Shari'ah*)

¹Tuan Sidek T. M. & ^{*2}Ridzwan Ahmad

^{1,2}Jabatan Fiqh dan Usul Fiqh, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Malaysia.
E-mel: tsidekm@gmail.com, ridzwan@um.edu.my

ABSTRAK

Pemakaian *al-Istihalah* dalam penetapan makanan dan barangan halal semasa masih diperbahaskan. Ini kerana terdapat pandangan yang berbeza di kalangan fuqaha' dalam penerimaannya sebagai kaedah pertukaran status barangan daripada najis kepada suci. Perbezaan pandangan tersebut boleh dibahagikan kepada dua iaitu golongan yang menyempitkan skop pemakaiannya (*Shafi'iyah*) dan golongan yang memperluaskan (*Hanafiyyah*). Sehubungan dengan itu, tulisan ini dikemukakan untuk membincangkan kedudukannya dalam penetapan halal semasa berdasarkan ukuran *Maqasid al-Shariah*. Analisis terhadap pandangan para fuqaha' daripada kedua-dua golongan, dapatan kajian-kajian semasa dan situasi industri halal semasa dibuat bagi melihat kesesuaian pemakaiannya bagi mencapai *maslahah* dan menolak *mafsadah*. Analisis menunjukkan bahawa pemakaian *al-Istihalah* berdasarkan pendapat golongan yang menyempitkan skopnya lebih menepati *Maqasid al-Shariah* dalam situasi industri halal semasa tanpa menafikan ruang untuk pemakaian golongan yang memperluaskannya apabila ada keperluan dan menepati konsep *al-Istihalah* yang dipersetujui iaitu berlakunya perubahan secara keseluruhan.

Kata kunci: *Maqasid al-Shariah*, Halal, *Istihalah*, *Maslahah*

ABSTRACT

Muslim scholars differ on the function of al-Istihalah in deciding cleanliness of filthy (najs) materials transformed to another thing. These differences can be divided into two groups; those who only apply it on very limited things based on permissibility mentioned in al-Quran or Sunnah (Shafi'iyah), and those who extend the application to other materials based on qiyas (Hanafiyyah). Hence, this article is proposed to discuss the function of al-Istihalah in deciding halalness of certain materials in current halal industry from the perspective of Maqasid al-Shariah. The discussion focuses on analyzing opinions of scholars from both groups, contemporary research on the area of discussion and situation of current halal industry as well. The analysis is based on the intellectual discourse using established methods to determine Maqasid al-Shari'ah. From the analysis, it is concluded that the application of al-Istihalah in the current halal industry according to opinion of Shafi'iyah is more favourable with Maqasid al-Shariah without denying the application of it in more extended things based on qiyas (Hanafiyyah) if it is needed and met with the agreed concept of al-Istihalah which is total transformation.

Keywords: *Maqasid al-Shariah*, Halal, *Istihalah*, *Maslahah*

* Corresponding author.

Rujuk artikel ini sebagai: Tuan Sidek T. M., & Ridzwan Ahmad. (2017). Aplikasi *al-Istihalah* dalam industri Halal semasa menurut perspektif *Maqasid al-Shariah*. *International Journal of Humanities Technology and Civilization*, 2(1), 1-9. Retrieved from <http://journals.ump.edu.my/index.php/ijhtc/issue/view/17>

PENDAHULUAN

Istilah *al-Istihalah* bukanlah suatu istilah yang baharu. Walau bagaimanapun, dari sudut sejarah pemakaiannya, kitab-kitab fiqh silam biasanya membincangkan tentangnya pada bahagian *taharah* pada tajuk najis. Istilah ini tidak dibincangkan pada bab makanan atau minuman. Pada masa kini, kesan daripada perkembangan teknologi dan globalisasi, perbincangan tentangnya telah diperluaskan kepada bahagian makanan dan ubat-ubatan. Ini kerana terdapat produk yang menggunakan bahan yang diambil daripada sumber najis seperti daripada babi dan kemudiannya diproses sehingga berubah menjadi suatu barangan yang lain seperti gelatin, vaksin dan lain-lain. Terdapat fuqaha' yang berpandangan barangan itu halal kerana telah berlaku *al-Istihalah*. Sebahagian yang lain pula berpendapat tidak halal kerana *al-Istihalah* hanya berlaku kepada barangan tertentu sahaja dengan syarat-syaratnya.

Perbezaan ini telah memberi kesan kepada fatwa. Terdapat fatwa yang berbeza pada produk-produk tertentu. Contohnya ialah keputusan *European Council of Fatwa and Research*, pada persidangan ke 11 tahun 2003 yang menyatakan bahawa vaksin polio yang menggunakan *trypsin* iaitu enzim yang diambil daripada khinzir adalah halal kerana telah berlaku *al-Istihalah*. Begitu juga dengan pendirian yang dinyatakan dalam resolusi seminar Fiqh Medik ke 8 pada 1995 yang antaranya menyebut *al-Istihalah* mengubah sesuatu yang haram menjadi halal termasuklah gelatin. Oleh itu, beberapa item seperti sabun, keju, krim dan barangan kosmetik yang mengandungi lemak babi, atau unsur daripada babi atau binatang yang mati tanpa disembelih dan telah diproses boleh digunakan (Arief Salleh & Nurul Hidayah, 2016). Walau bagaimanapun, mengikut sebahagian yang lain, item yang telah disebutkan di atas tetap tidak halal kecuali dalam keadaan *darurah* kerana mereka menolak pemakaian *al-Istihalah* seperti itu sebagaimana fatwa-fatwa yang dikeluarkan di Malaysia (JAKIM, 2015). Sehubungan dengan itu, menurut Norhidayah (2016), penentuan piawaian *al-Istihalah* adalah satu keperluan yang mendesak pada masa kini memandangkan perkara ini masih belum dimuktamadkan dalam kalangan fuqaha' dan saintis.

SKOP DAN METODOLOGI

Tulisan ini akan membincangkan tentang pelbagai pandangan fuqaha' dan beberapa kajian fiqh semasa tentang pemakaian *al-Istihalah* dalam penetapan halal. Data-data diperolehi daripada pelbagai bahan bercetak seperti buku dan jurnal di samping bahan-bahan yang diperolehi daripada media elektronik. Data yang diperolehi, dianalisis berpandukan kepada ukuran *Maqasid al-Shariah* iaitu dengan menggunakan pertimbangan pencapaian *maslahah* dan penolakan *mafsadah* khususnya dalam menjaga *daruriyyat al-khams*. Hasil daripada itu, dikemukakan kesimpulan dan cadangan pemakaiannya yang lebih bersesuaian dengan pencapaian *Maqasid al-Shariah* dalam menjaga pelbagai pihak yang terlibat dalam industri halal.

Definisi *al-Istihalah*

Dari sudut bahasa *al-Istihalah* bermaksud berubah atau bertukar (Ibrahim Mustafa, Ahmad, Hamid & al-Najjar, t.t.). Dari sudut istilah pula, ia merujuk kepada perubahan suatu yang najis berubah menjadi suci (al-Nawawi, 2010) sama ada sesuatu itu pada asalnya adalah najis atau menjadi najis disebabkan oleh suatu yang lain (al-Zuhayli, 1989). Menurut Ibn 'Abidin (2003), perubahan suatu yang najis itu bukan hanya perubahan sifat tetapi turut melibatkan perubahan hakikat menjadi sesuatu yang lain. Menurut Nazih (2004), *al-Istihalah* ialah perubahan hakikat sesuatu benda yang najis atau haram dimakan kepada suatu benda yang lain yang berbeza pada nama, sifat-sifat dan ciri-ciri. Beliau cuba menerangkan bentuk-bentuk perubahan yang boleh menerima *al-Istihalah* pada masa kini, tetapi contoh-contoh yang diberikan masih tidak konsisten dan menimbulkan kekeliruan dari sudut standard ukuran perubahan. Antara contoh yang dikemukakan ialah makanan yang dicampurkan dengan lemak babi dan dimasak. Menurut beliau, walaupun berlaku *al-Istihalah* pada lemak babi, tetapi itu bukanlah *al-Istihalah* yang dimaksudkan. Pada contoh yang lain, beliau menyebut sekiranya

lemak babi dicampurkan dengan bahan-bahan tertentu dan berubah menjadi sabun atau alatan kosmetik melalui pemprosesan, lemak babi itu telah bertukar dan menjadi suci melalui *al-Istihalah*.

Pada pandangan penulis, walaupun ulama' klasik menggunakan contoh sabun untuk menggambarkan suatu barangan yang telah berubah menjadi suci melalui *al-Istihalah*, tetapi dalam konteks semasa, bersesuaian dengan perkembangan sains dan teknologi, contoh tersebut tidak lagi sesuai. Dalam hal ini, Muhammad Aizat (2009), menyebut: "para fuqaha klasik mengulas tentang teori *al-Istihalah* dalam konteks dan ruang yang terhad sesuai dengan perkembangan keilmuan zaman tersebut. Mereka hanya menggunakan metode pemerhatian luaran dan deduktif sahaja berbanding pendekatan empirikal".

Abu Zaid (2005) berpendapat, makna *al-Istihalah* berkisar tentang perubahan dan pertukaran suatu benda. Menurut beliau, terdapat pelbagai pendekatan dalam menjelaskan perubahan tersebut. Ada yang menyebutnya perubahan sifat-sifat sesuatu benda yang membawa kepada perubahan benda tersebut kepada satu nama yang baharu. Ada juga yang menyebutnya perubahan hakikat suatu benda kepada suatu benda yang lain. Bagi al-Ghananim (2008), definisi yang diberikan oleh ulama terdahulu adalah dalam bentuk umum tanpa garis panduan yang jelas bagaimana dan tahap mana berlakunya perubahan tersebut. Oleh itu, beliau telah mengemukakan satu definisi yang lebih jelas iaitu perubahan suatu benda yang najis kepada suatu benda yang lain secara semula jadi atau melalui perantara sehingga berubah ciri-cirinya secara keseluruhan pada nama, sifat atau bentuk. Mohammad Aizat dan Che Wan Jasimah (2009) turut memberikan definisi yang hampir sama.

Menurut al-'Amudi (2009), definisi *al-Istihalah* berkisar tentang perpindahan, pertukaran dan perubahan sesuatu kepada sesuatu yang lain yang berbeza daripada asalnya sama ada hakikat, nama mahupun penggunaan. *Majma al-Fiqh al-Islami* pada ketetapan bilangan 198 (4/21) dan ketetapan bilangan 210(6/22) telah memberikan definisi yang hampir sama iaitu perubahan hakikat sesuatu yang najis ataupun yang diharamkan kepada suatu yang lain sama ada dari sudut nama, ciri-ciri mahupun sifat. Dalam terma ilmiah, ia adalah perubahan kimia yang menyeluruh. Perubahan masih belum dikira *al-Istihalah* sekiranya perubahan itu bersifat *juz'ie* (tidak menyeluruh). Kesimpulan daripada kepada perbincangan di atas, *al-Istihalah* ialah perubahan yang berlaku secara keseluruhan sama ada pada nama, sifat, mahupun ciri-ciri.

Peranan *Maqasid Al-Shari'ah* dalam Penetapan Hukum

Maqasid al-Shari'ah berasal dari dua perkataan iaitu *maqasid* dan *shari'ah*. *Maqasid* adalah kata jamak kepada perkataan *maqsid* (al-Munazamah al-'Arabiyyah li al-Tarbiyyah wa al-Thaqafah wa al-'Ulum, t.t.) yang memberi makna tempat *qasd*. *Qasd* pula bermakna maksud atau kehendak (al-Marbawi, 1998), tujuan dan objektif (al-Ba'albaki, 1988). Dari sudut istilah, Ibn 'Ashur (2011) mendefinisinya sebagai hikmah-hikmah, *masalih* dan manfaat-manfaat. Al-Khadimi (2003) mendefinisinya sebagai *maslahah* syariah dan tujuan-tujuan serta tanda-tandanya yang bertujuan untuk memperelok kemanusiaan dan kebahagiaannya pada kehidupan mereka dunia dan akhirat. Al-Zuhayli (1997) mendefinisinya sebagai tujuan pensyariatian serta rahsia-rahsia yang diletakkan oleh *shari'* pada setiap hukum daripada hukum-hukumnya. Secara umumnya, *maqasid* syarak ialah mendatangkan *maslahah* kepada hamba dunia dan akhirat (al-Shatibi, 2011).

Al-Ghazali (1996) memberikan definisi *Maslahah* sebagai penjagaan matlamat syarak. Terdapat lima matlamat syarak itu iaitu menjaga agama, nyawa, akal, *nasal* dan harta. Setiap perkara yang membawa kepada penjagaan kelima-lima ini adalah *maslahah* dan ketiadaan perkara itu adalah *mafsadah* dan menjauhkannya (dari *mafsadah*) adalah *maslahah*. Takrifan al-Ghazali ini menunjukkan maksud *maslahah* ialah apa-apa yang mendatangkan kebaikan dan menjauhkan kemudaratan. Sehubungan dengan itu, bolehlah disimpulkan bahawa *Maqasid al-Shari'ah* adalah kaedah penetapan hukum yang mengambil kira pencapaian matlamat iaitu mendatangkan *maslahah* dan menolak *mafsadah*.

Secara ringkasnya pengukuran *masalah* dapat dibahagikan kepada tiga peringkat iaitu *daruriyyah*, *hajiyyah* dan *tahsiniyyah*. *Daruriyyah* ialah perkara yang mesti ada untuk kemaslahatan hidup dunia dan akhirat. Ketiadaannya menyebabkan kerosakan dan kemusnahan sistem kehidupan dunia serta kegagalan dan kembali dalam keadaan kerugian pada kehidupan akhirat (al-Shatibi, 2011).

Penjagaan agama adalah *maqasid* yang terpenting. Ia adalah asal kepada semua *maqasid*. Apabila tiada agama, dunia akan rosak. Ketika itu hilang neraca timbangan yang adil dan betul. Kesannya, manusia akan bertindak mengikut nafsu. Apabila tiada agama yang menetapkan *masalah* dan menyusun kehidupan, manusia akan melakukan sesuatu yang dirasakannya *masalah* berdasarkan kepada nafsu dan akalnyanya semata-mata. Oleh itu, atas asas menjaga agama, diwajibkan ke atas setiap yang mukalaf mendirikan sembahyang, menunaikan zakat, puasa, mengerjakan haji dan lain-lain kewajipan (al-Yubi, 1998).

Peringkat kedua ialah *hajiyyah*. Ia adalah apa yang diperlukan untuk kemudahan dan menghilangkan kesempitan yang pada kebiasaannya membawa kepada kepayahan dan *mashaqqah*. Sekiranya tidak dipelihara perkara tersebut, ia akan membawa kepada kepayahan dan *mashaqqah* tetapi tidaklah sampai ke tahap kemusnahan. Peringkat seterusnya ialah *tahsiniyyah* iaitu mengambil apa yang sesuai daripada adat-adat yang baik dan menjauhi perkara yang kurang baik yang mana akal yang sihat tidak suka kepadanya (al-Shatibi, 2011).

Maqasid al-Shari'ah mempunyai kedudukan yang tersendiri dalam penetapan hukum. Ini kerana mendatangkan *masalah* dan menolak *mafsadah* perlu diberikan keutamaan. Ia adalah matlamat. Walau bagaimanapun, akal semata-mata tidak dapat mengukur *masalah*. Jika dibiarkan pencariannya tanpa panduan, akan muncul terlalu banyak khilaf bahkan mungkin timbul penyelewengan dalam penetapan hukum. Oleh itu, ilmu usul fiqh yang menjadi asas kepada penetapan hukum adalah sangat penting kerana pengetahuan dengan dalil-dalil dan kaedah-kaedahnya memandu seseorang mujtahid untuk sampai kepada matlamat pensyariatian melalui jalan yang betul. Al-Yubi (1998) menyebut bahawa syariat Islam adalah sistem yang syumul. Hukum *juz'ie* bertemu dengan kaedah *kulli* pada pemeliharaan *masalah* dan penolakan *mafsadah*. Setiap dalil yang dijadikan hujah oleh syarak adalah untuk merealisasikan *maqasid* syarak. Oleh itu kedua-duanya tidak dapat dipisahkan serta saling berkait antara satu dengan lain.

Tentang kepentingan *Maqasid al-Shari'ah*, al-Zuhayli (1998) menyebut bahawa mengetahuinya adalah suatu yang *daruriyy* kepada para mujtahid ketika melakukan istinbat hukum. Apabila seorang mujtahid hendak mengetahui suatu hukum ke atas satu kes yang berlaku, dia perlu memahami *nas* untuk diaplikasikan dalam kes yang berlaku. Begitu juga sekiranya ingin digabungkan (*taufiq*) antara pelbagai *nas* yang kelihatan bercanggah dari sudut zahir, memahami *Maqasid al-Shari'ah* sangat membantunya. Mengenal pasti *maqasid* dengan sebaik-baiknya juga perlu sekiranya ada keperluan untuk menerangkan sesuatu hukum dalam satu kes yang baru dengan cara *qiyas*, *istislah* atau *istihsan* dan lain-lain. Menurut Zaidan (2004), memahami *Maqasid al-Shari'ah al-'ammah* adalah suatu yang *daruriyy* untuk memahami nas-nas syarak dengan cara betul. Tidak memadai hanya mengetahui bentuk-bentuk pendalilan lafaz ke atas makna sahaja. Abu Zahrah (t.t.) telah menetapkan antara syarat mujtahid untuk membuat istinbat ialah mengetahui *maqasid* hukum.

Kesimpulannya, *Maqasid al-Shari'ah* sangat penting dalam penetapan dan penilaian hukum bagi mendatangkan *masalah* dan menolak *mafsadah*. Pengukuran dan penetapan *maqasid* boleh dibuat melalui dalil-dalil syarak seperti melalui al-Quran, al-Sunnah, Ijmak, *Qiyas*, *Istishab*, *Masalih Mursalah*, *Sadd al-Zhari'ah*, *al-Istiqrar* dan lain-lain di samping penggunaan pelbagai kaedah fiqh, kajian saintifik, kajian sains sosial dan pengalaman.

PEMAKAIAN AL-ISTIHALAH DALAM PENETAPAN HALAL

Dari sudut pemakaian *al-Istihalah* sebagai satu instrumen dalam penetapan halal haram makanan dan barangan kepenggunaan, terdapat pelbagai pendapat yang boleh dibahagikan kepada dua aliran

iaitu aliran yang memperluaskan penggunaannya dan aliran yang menyempitkan (Mohammad Aizat dan Che Wan Jasimah, 2009). Aliran yang pertama dipelopori oleh Muhammad bin Hasan al-Shaibany (al-Kasani, 2004) dan kebanyakan daripada golongan Hanafiyah. Ia adalah fatwa dalam mazhab (Ibn Nujaim, 1997), salah satu pendapat dalam mazhab Maliki (al-Hattab, 2010; al-Qarafi 1994), Hanabilah pada satu riwayat (Ibn Qudamah, 2004), Ibn Taimiyyah (1997), Ibn Qayyim (2006) dan Zahiriyyah (Ibn Hazam, t.t). Menurut pendapat mereka, suatu yang najis apabila berubah sifat-sifat, unsur-unsur dan hakikatnya, ia bertukar menjadi suci (al-Ghananim, 2008). Aliran ini memakai teori *al-Istihalah* dalam skop yang lebih luas. Mereka menerima teori ini sebagai salah satu proses yang boleh mengubah suatu benda najis kepada suatu yang suci sama ada berlaku secara semula jadi ataupun sebaliknya (Mohammad Aizat & Che Wan Jasimah, 2009). Ibn Hazm (t.t.) secara khusus menerimanya atas hujah bahawa hukum ditetapkan berdasarkan namanya. Apabila sesuatu barangan itu tidak lagi sesuai dengan nama tersebut, gugur hukum tersebut sebagaimana najis manusia atau binatang berbeza dengan tanah dan debu. Begitulah juga arak yang berbeza dengan cuka.

Aliran yang kedua pula terdiri daripada Abu Yusuf (Ibn 'Abidin, 2003), Shafi'iyah (al-Shirazi, 1994; al-Nawawi, 2010; al-Sharbini, 2006), salah satu pendapat dalam mazhab Maliki (al-Qarafi, 1994), dan pendapat yang zahir dalam mazhab Hanbali (Ibn Qudamah, 2004). Mereka berpendapat suatu yang najis tidak bertukar menjadi suci walaupun telah berubah sifat-sifat, unsur-unsur dan hakikatnya. Shafi'iyah menerima *al-Istihalah* dalam tiga perkara iaitu arak yang bertukar menjadi cuka secara semula jadi termasuklah bekasnya, kulit binatang yang mati pada bahagian luar dan dalam selain daripada anjing dan babi apabila disamak (al-Sharbini, 2006) dan sesuatu yang berubah menjadi haiwan seperti bangkai berubah menjadi ulat kerana berlakunya suatu kehidupan yang baru (al-Zuhayli, 1989). Walau bagaimanapun penerimaan *al-Istihalah* pada cuka dan kulit yang disamak adalah bersandarkan kepada nas dan bukannya *al-Istihalah* semata-mata.

Asas perbezaan pendapat dalam penggunaan *al-Istihalah* dan aplikasinya ke atas barangan najis bertukar menjadi suci berpunca daripada perbezaan metodologi fiqh mazhab masing-masing di samping perbezaan pemakaian perkataan *al-Istihalah* itu sendiri. Golongan yang menyempitkan item yang menjadi suci melalui *al-Istihalah* tidak memasukkan di bawah istilah ini perkara-perkara yang asalnya suci dan halal kemudiannya bertukar menjadi najis dan haram. Di samping itu, mereka juga tidak menyebut darah yang bertukar menjadi susu dan air mani termasuk dalam kategori *al-Istihalah*. Ini berbeza dengan mereka yang memperluaskan di mana mereka memasukkan perubahan-perubahan tersebut sebagai sebahagian daripada contoh *al-Istihalah* (al-Muslim, 2011)

Menurut al-Nawawi (2010), mengikut mazhab Shafi'i, tidak menjadi suci baja daripada najis manusia atau binatang. Tulang bangkai dan semua benda yang najis juga tidak menjadi suci dengan dibakar. Sekiranya jatuh sesuatu pada kawasan garam seperti anjing atau seumpamanya dan bertukar menjadi garam, ia juga tidak menjadikannya suci. Walaupun begitu, menurut beliau, terdapat juga pandangan yang dinukilkan daripada al-Haramain yang menyebut bahawa Abu Zaid dan al-Khudari mengatakan abu sesuatu yang najis adalah suci berdasarkan kepada pendapat *qawl qadim* yang menyebut matahari, angin dan api menyucikan tanah yang najis (al-Nawawi, 2010). Ketika membincangkan tentang perbezaan antara suci cuka yang telah menjadi arak kerana *al-Istihalah* dan najis bintang yang kekal najis walaupun telah dibakar dan telah berlaku perubahan al-Shirazi (1994), menyebut bahawa kenajisan najis binatang kekal kerana *ainnya* adalah najis berbeza dengan arak di mana najisnya disebabkan oleh satu perkara yang boleh fahami maknanya dan perkara tersebut telah hilang.

Muhammad bin Hasan al-Shaibany adalah antara ulama terawal yang berpendapat menjadi suci sesuatu benda yang najis apabila berubah. Menurut beliau, menjadi suci najis apabila berubah disebabkan oleh berlalunya masa yang lama dan berubah sifat-sifatnya menjadi sesuatu yang lain. Contohnya ialah anjing yang jatuh ke dalam kolam garam atau suatu najis yang keras atau najis bintang apabila dibakar dan menjadi debu, tanah tempat laluan najis yang telah menjadi keras dan telah hilang kesannya dan begitu juga dengan najis yang ditanam di dalam tanah dan juga telah hilang kesannya. Semua itu menjadi suci disebabkan oleh *al-Istihalah* iaitu perubahan sifat-sifat dan ciri-ciri seperti arak yang telah berubah menjadi cuka (al-Kasani, 1995). *Illahnya* ialah berlakunya perubahan

secara hakikat. Beliau juga berfatwa dengan pendapat ini kerana terdapatnya unsur *al-balwa*. Setiap yang berubah hakikatnya dan terdapat unsur '*umum al-balwa* akan menerima *al-Istihalah* (Ibn 'Abidin, 2003).

Apabila diteliti kedua-dua aliran, perbezaan antara duanya berpunca daripada penggunaan dalil *qiyas* ke atas kes-kes yang disebut oleh *nas* iaitu kes arak menjadi cuka, kulit yang menjadi suci selepas di samak dan binatang *jallalah* yang telah dikuarantinkan oleh golongan yang meluaskan pemakaiannya (al-Shirazi, 1994). Sebaliknya, golongan yang menghadkan pemakaiannya kepada item yang tertentu sahaja tidak mengambil *qiyas* sebagai dalil. Mereka berpegang kepada *nas* dan *al-istishab*, iaitu asal yang haram adalah kekal haram kecuali ada dalil yang mengkhususkan hukum menjadi sebaliknya.

Hanafiyah berpendapat, perkara yang berkait dengan penyucian najis adalah termasuk dalam perkara *ma'qul al-ma'na* (difahami makna) dan boleh dibuat *qiyas*. Dalam mazhab Shafi'i pula, menurut al-Juwayni (1997), Imam Shafi'i tidak menggunakan *qiyas* dalam kes ini kerana pada pendapat beliau tiada kemunasabahan untuk *qiyas*. Mungkin atas asas tiada sifat zahir yang jelas untuk dijadikan '*illah qiyas*, apatah lagi ianya berada dalam bab *taharah* yang termasuk dalam bab ibadah, Imam al-Shafi'i dan yang mengikuti metode beliau tidak menggunakan memakai *qiyas* dalam kes ini. Mereka sebaliknya mengambil pendekatan yang lebih *ihtiyat* bagi menjaga *maslahah* khususnya bagi menjaga agama dengan menetapkan hukum berdasarkan *nas* dan *al-Istishab*. Walaupun begitu, disebabkan oleh perkembangan sains dan teknologi di mana boleh diukur perubahan sama ada berlaku secara keseluruhan ataupun tidak melalui makmal dan peralatan, penulis tidak menolak pendapat yang mengatakan boleh dibuat *qiyas* kerana telah terdapat pengukuran standard yang boleh dijadikan '*illah* iaitu perubahan secara keseluruhan. Sekiranya demikian, aplikasi *qiyas* boleh digunakan dengan dibuat *qiyas* kepada kes *khamr* menjadi cuka.

Apabila ditinjau kepada beberapa kajian semasa, antaranya ialah kajian oleh Mohammad Aizat dan Che Wan Jasimah (2009), mereka telah membahagikan *al-Istihalah* kepada dua iaitu *sahihah* dan *fasidah*. Berdasarkan kepada model yang diberikan, *al-Istihalah sahihah* hanya berlaku dalam tiga keadaan iaitu:

- i. bahan asal halal, agen perubahan halal dan menghasilkan produk yang halal.
- ii. bahan asal haram, agen perubahan halal dan bahan akhir halal seperti khinzir yang jatuh ke dalam lautan garam dan telah menjadi garam.
- iii. bahan asal halal, agen haram dan bahan akhir halal seperti pokok yang dibajai dengan najis binatang.

Model pertama tidak perlu diperbincangkan kerana ianya jelas daripada unsur yang halal. Pada model yang kedua dan ketiga, telah berlaku perubahan keseluruhan dan kebiasaannya secara semula jadi.

Terdapat juga kajian yang membandingkan perubahan antara anggota binatang yang berubah kepada gelatin dan arak menjadi cuka. Hasil kajian tersebut mendapati perubahan arak menjadi cuka berlaku secara keseluruhan kerana *ethanol* yang ada pada arak telah berubah menjadi asid asetik. Keadaan ini berbeza dengan gelatin. Walaupun telah diusahakan untuk diubah melalui makmal tetapi didapati komposisi kimia pada gelatin masih belum berubah. Berdasarkan kepada keadaan ini ia tidak layak dikategorikan sebagai perubahan mutlak (Mohammad Aizat, Mohd Anuar, Dzulkifly & Suhaimi, 2012). Di samping itu, menurut Majed Haririe (2015), tidak berlaku perubahan keseluruhan dalam gelatin dan kolagen yang telah diproses daripada binatang kerana masih terdapat kandungan asid amino seperti yang ada pada induk.

Menurut Izhar Arif (2013) di dalam kajiannya tentang makanan terubah suai genetik, setiap asid deoksiribonukleik (DNA) yang berasal daripada haiwan yang haram dimakan turut mempengaruhi status hukum makanan terubah suai genetik (GMF) daripada halal kepada haram. Ini kerana kajian telah membuktikan bahawa dengan kewujudan kod DNA yang telah disalin dan kemudian

dipindahkan ke dalam organisma lain seperti produk makanan GMF atau hidupan transgenik, ia masih mempunyai identiti yang asal. Menerusi kod-kod DNA yang telah dimanipulasikan itu, ia dapat membantu para ahli sains untuk mengenal pasti haiwan empunya DNA. Sebagai contoh, DNA tikus yang terdapat dalam kentang transgenik. Kewujudan DNA tikus tersebut masih boleh dikenal pasti oleh para saintis, walaupun ia telah dipindahkan ke dalam *host* yang baharu iaitu kentang. Ini semua membuktikan bahawa kod-kod genetik yang telah dimanipulasikan itu akan menunjukkan kepada identiti sebenar pemilik asal DNA. Dengan itu, segala jenis produk makanan GMF atau hidupan transgenik (GMO) adalah haram dimakan sekiranya ia terhasil daripada haiwan yang haram.

Walaupun memilih pendapat golongan yang memperluaskan pemakaiannya, al-Ghananim (2008) berulang kali menyebut dalam contoh-contoh yang diberikan bahawa sesuatu perubahan yang berlaku tidak dikira *al-Istihalah* sekiranya tidak berlaku perubahan keseluruhan kerana *al-Istihalah* yang sempurna ialah perubahan yang tidak meninggalkan satu juzukpun daripada juzuk yang ada pada barangan yang najis apabila bertukar menjadi suci. Apabila dirujuk kepada ketetapan Majma' al-Fiqh al-Islami (2015), ketetapan yang ke 198 (21/4) dan 210 (6/22) lebih cenderung kepada konsep dan definisi *al-Istihalah* menurut aliran memperluaskan penggunaannya. Walaupun begitu, Majma' telah menetapkan beberapa garis panduan seperti berikut:

- i. kepentingan menggunakan kulit dan tulang binatang yang disembelih mengikut syarak untuk digunakan dalam industri makanan dan ubat-ubatan. Ini adalah untuk menjaga sumber negara (*al-tharwah al-wataniyyah*) di samping menjauhi syubhah dalam penggunaan barangan yang haram.
- ii. adalah diseru kepada pihak-pihak yang bertanggungjawab di negara-negara Islam untuk menjaga syarat-syarat yang memenuhi kehendak syarak dalam industri makanan dan ubatan terutamanya dalam penggunaan bahan mentah dan pemrosesannya.
- iii. dalam isu gelatin, Majma' melihat perlunya kepada kajian yang lebih lanjut.

Berdasarkan kepada perbincangan di atas, jelas masih belum ada kata sepakat tentang pemakaian *al-Istihalah* sama ada boleh diperluaskan atau hanya kepada perkara yang disebut oleh *nas*. Khilaf fiqh ini kekal sebagai sabagi khilaf. Walau bagaimanapun, sekiranya penggunaannya ingin diperluaskan, perubahan keseluruhan boleh dijadikan asas ukuran.

PEMAKAIAN AL-ISTIHALAH DALAM INDUSTRI HALAL MENURUT PERSPEKTIF MAQASID AL-SHARIAH

Berdasarkan kepada definisi *al-Istihalah* yang telah dikemukakan serta perbezaan pendapat yang masih belum dapat dimukamadkan, pada pandangan penulis, di dalam industri halal semasa, penggunaan aliran yang menyempitkan skop lebih menepati *Maqasid al-Shariah*. Ini kerana ia lebih *ihhtiyat* dalam memenuhi *maslahah* penjagaan terhadap agama dan nyawa. Apatah lagi pada zaman moden ini, terdapat penggunaan sains dan teknologi yang meluas dalam industri makanan di samping kedudukan pensijilan halal yang telah menjadi satu mekanisme pemasaran yang menguntungkan. Pendekatan yang lebih ketat itu lebih menjamin keselamatan dan kehalalan makanan daripada diambil mudah oleh pengusaha di samping boleh menimbulkan kekeliruan. Kekeliruan di kalangan pengeluar barangan dan di kalangan pengguna boleh timbul kerana kedudukan *al-Istihalah* yang masih belum dimuktamadkan pemakaiannya dalam konteks semasa. Pemakaian aliran ini akan menggalakkan pengkajian dan pengeluaran barangan dibuat daripada sumber asal yang disepakati halal. Di samping itu, sekiranya penggunaan barangan tersebut tidak dapat dielakkan, aliran ini menetapkan standard yang lebih mudah dan jelas untuk diukur dengan kaedah pengukuran *darurah*. Kaedah ini di persetujui oleh semua mazhab tanpa ada khilaf. Ini bermakna terdapat ruang untuk dijadikannya sebagai satu piawai yang merangkumi semua pihak.

Walaupun begitu, pemakaiannya masih bersifat terbuka dengan meraikan *khilaf* bagi mencapai *maslahah* hakiki khususnya apabila pegangan kepada aliran ini menyebabkan kesukaran. Penetapan halal haram berdasarkan *darurah* juga perlu sentiasa dibuat penilaian dari semasa ke semasa bagi

meraikan perubahan-perubahan yang berlaku terutamanya dari sudut keperluan *daruri* masyarakat yang sentiasa berubah di samping kemungkinan terdapatnya produk-produk baharu yang bersumberkan bahan halal sepenuhnya. Mekanisme *qiyas* juga boleh digunakan pada penetapan barangan halal yang secara saintifiknya telah berlaku perubahan keseluruhan sekiranya ada keperluan.

KESIMPULAN

Al-Istihalah adalah salah satu instrumen yang diketengahkan untuk membantu dalam penetapan halal semasa. Dari sudut teori dan aplikasinya, terdapat khilaf di kalangan fuqaha. Khilaf tersebut boleh dibahagikan kepada dua iaitu golongan yang menyempitkan dan golongan yang memperluaskannya atas asas *qiyas*. Dalam industri halal semasa, dalam situasi biasa, pemakaian pendapat golongan yang menyempitkan *al-Istihalah* dilihat lebih menepati *maslahah* dalam memelihara agama, nyawa dan harta umat Islam. Walau bagaimanapun, pemakaiannya tidaklah bersifat tegar (*rigid*) tanpa memberi peluang kepada pendapat yang memperluaskannya. Atas asas *al-taysir*, kaedah *qiyas* boleh digunakan sekiranya perubahan yang berlaku menepati perubahan keseluruhan. Namun begitu, penetapan barangan yang menerima *al-Istihalah* itu hendak diputuskan mengikut kes dan keputusan itu pula ditetapkan oleh badan yang mempunyai autoriti keagamaan setelah mengambil kira pelbagai pandangan sama ada dari sudut agama, *waqi'* semasa dan setempat mahupun sains bagi memastikan kemaslahatan semua pihak terpelihara.

RUJUKAN

- Abdul Karim Zaidan. (2004). *Al-Wajiz fi usul al-Fiqh*. Beirut: Muassasah al Risalah.
- Abu Zahrah, Muhammad. (t.t.). *Usul al-Fiqh*. t.tp: Dar al-Fikr al-‘Arabiyy.
- Abu Zaid, Jumanah Muhammad ‘Abd al-Razzaq. (2005). *Al-Intifa’ bi al-A‘yan al-Muharramah*. Jordan: Dar al-Nafais.
- al-‘Amudi, Fatimah Jamil. (2009). *Al-Ahkam al-Fiqhiyyah fi qadaya al-Ghizha’ wa al-Tagzhiyah al-Mu‘asirah*. Amman: Dar ‘Imad al-Din li al-Nashr wa al-Tauzhi‘.
- Arieff Salleh, & Nurulhidayah. (2016). *Konsep Istihalah dalam teknologi pembuatan vaksin. Kertas kerja dibentangkan di Konvensyen Fiqh dan Teknologi Peringkat Negeri Pahang*. Kuantan: Pusat Islam dan Pembangunan Insan, Universiti Malaysia Pahang.
- al-Ba‘albaki, Ruhi. (1988). *Al-Mawrid*. Beirut: Dar li al-‘Ilm al-Malayin.
- al-Ghananim, Qazhafi ‘Izzat. (2008). *Al-Istihalah wa Ahkamuha fi al-Fiqh al-Islamiyy*. Amman: Dar al-Nafais.
- al-Ghazali, Abu Hamid. (1996). *Al-Mustasfa fi ‘ilm al-Usul*. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- al-Hattab, Muhammad bin Muhamad. (2010). *Mawahib al-Jalil fi syarh mukhtasar al-Sheikh al-Khalil*. Mauritania: Dar al-Ridwan.
- Ibn ‘Ashur, Muhammad al-Tahir. (2011). *Maqasid al-Shari‘ah al-Islamiyyah*. Jordan: Dar al-Nafais.
- Ibn ‘Abidin, Muhammad Amin. (2003). *Rad al-Mukhtar*. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Ibn Hazm, Ali bin Ahmad. (t.t.). *Al-Muhalla bi al-Athar*. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Ibn Nujaim, Zayn al-Din bin Ibrahim. (1997). *Al-Bahr al-Raiq*. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Ibn al-Qayyim al-Jauziyyah, Muhammad bin Abi Bakr. (2006). *I‘lam al-Muwaqq‘in*. Kaherah: Dar al-Hadith.
- Ibn Qudamah, ‘Abd. Allah bin Ahmad. (2004). *Al-Mughni*. Kaherah: Dar al-Hadith.
- Ibn al-Taimiyyah, Taqiy al-Din Ahmad bin ‘Abd al- Halim. (1997). *Majmu‘ al-Fatawa*. Riyadh: Dar al-Wafa’.
- Ibrahim Mustafa, al-Zayyat, Ahmad Hasan, Hamid Abd. al-Qadir, & al-Najjar, Muhammad Ali. (t.t.). *Al-Mu‘jam al-Wasit*. Istanbul: al Maktabah al-Islamiyyah.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. (2015). *Kompilasi pandangan hukum muzakarah jawatankuasa fatwa majlis kebangsaan*. Putrajaya: JAKIM.
- al-Juwayni, ‘Abd al-Malik bin ‘Abd. Allah. (1997). *Al-Burhan fi usul al-Fiqh*. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- al-Kasani, Abu Bakar ibn Mas‘ud. (2005). *Badai‘ al-Sanai‘*. Kaherah: Dar al-Hadith.

- al-Khadimi, Nuruddin Mukhtar. (2003). *Al-Maqasid al-Shar'iyah ta'rifuha- Amthilatuhahujjiyyatuha*. Riyadh: Kunuz Eshbelia.
- Majed Haririe. (2015). *Gelatin transformation (istihala) "in science and fiqh"*. Retrieved from <http://www.halalcertificationturkey.com/en/2015/01/gelatin-transformation-istihala-in-science-and-fiqh/>.
- Majma' al-Fiqh al-Islamiyy yang bersidang kali ke 21, 18-22 November 2013. Riyadh: Dicapai pada 2/2/2017. Retrieved from <http://www.iifa-aifi.org/2392.html>.
- Majma' al-Fiqh al-Islami yang bersidang kali ke 22, 22-25 Mac 2015, Kuwait. Dicapai pada 19/1/2017. Retrieved from <http://www.iifa-aifi.org/3988.html>.
- al-Marbawi, Muhammad Idris Abd. Rauf. (1998). *Kamus Idris al-Marbawi*. Kuala Lumpur: Darul Nu'man.
- Mohammad Aizat Jamaluddin. (2009). *Teori Istihalah menurut perspektif Islam dan sains: Aplikasi terhadap beberapa penghasilan produk makanan* (Tesis sarjana tidak diterbitkan). Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Mohammad Aizat Jamaludin, & Che Wan Jasimah Wan Mohamed Radzi. (2009). Teori istihalah menurut perspektif Islam dan sains: Aplikasi terhadap beberapa penghasilan produk makanan. *Jurnal Syariah*, 17(1), 169-194.
- Mohammad Aizat Jamaludin, Mohd Anuar Ramli, Dzulkifly Mat Hashim, & Suhaimi Ab Rahman. (2012). Fiqh istihalah: Integration of science and Islamic law. *Revelation and Science*, 02(2), 117-123.
- Mohd Izhar Ariff Mohd Kashim. (2013). *Penentuan hukum makanan ubah suai genetik (GMF) berasaskan Syariah* (Tesis doktor falsafah tidak diterbitkan). Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor.
- Al-Mu'jam al-'Arabiyy al-Asasiyy* (t.t.). t.tp: Al-Munazamah al-'Arabiyyah li al-Tarbiyyah wa al-Thaqafah wa al-'Ulum.
- al-Muslim, Saleh bin Muhammad. (2011). *Tathir al-Najasat wa al-Intifa' biha*. Riyadh: Dar al-Fadilah li al-Nashr wa al-Tauzhi'.
- al-Nawawi, Yahya bin Sharf. (2010). *Al-Majmu'*. Kaherah: Dar al-Hadith.
- Nazih Hammad. (2004). *Al-Mawad al-Muharramah wa al-Najasah*. Damsyik: Dar al-Qalam.
- Norhidayah Pauzi. (2016). *Analisis perbandingan penentuan piawaian Halal antara Malaysia, Indonesia, Singapura dan Brunei* (Tesis doktor falsafah tidak diterbitkan). Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- al-Qarafi, Ahmad bin Idris. (1994). *Al-Dhakhirah*. Beirut: Dar al-Gharb al-Islami.
- al-Shatibi, Ibrahim bin Musa. (2011). *Al-Muwafaqat*. Kaherah: Dar al-Ghad al-Jadid.
- al-Sharbini, Shamsuddin Muhammad bin Muhammad. (2006). *Mughni Muhtaj*. Kaherah: Dar al-Hadith.
- al-Shirazi, Ibrahim bin 'Ali. (1994). *Al-Muhazzhab*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Wan Mohd Nasir Wan Abd Wahab. (2012). *Pengenalan asas kepada Maqasid Syariah*. Shah Alam: PSN Publications.
- al-Yubi, Muhammad Sa'd bin Ahmad. (1998). *Maqasid al-Shari'ah al-Islamiyyah wa 'alaqatuha bi al-Adillah al-Shar'iyah*. Riyadh: Dar al-Hijrah.
- al-Zuhayli, Wahbah. (1998). *Usul al-Fiqh al-Islamiyy*. Beirut: Dar al-Fikr.
- al-Zuhayli, Wahbah. (1989). *Al-Fiqh al-Islamiyy wa adillatuh*. Damsyik: Dar al-Fikr.
- al-Zuhayli, Wahbah. (1997). *Nazariyyah al-Darurah al-Shar'iyah*. Beirut: Muassasah al-Risalah.